

## KPDNHEP Kelantan sita barangan kawalan cuba diseludup bernilai RM1 juta

**PASIR MAS** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menyita barangan kawalan bernilai kira-kira RM1 juta yang dipercayai cuba diseludup ke negara jiran sejak Januari hingga Ogos lepas.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, **ADNAN**

berkata, ia membabitkan minyak masak, petrol dan diesel selain gandum dan barangan kawalan lain.

"Dalam tempoh sama tahun lepas, jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM690,515.65 dan ia meningkat secara drastik tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Pembukaan dan Penyampaian Hadiah Program Promosi



'Pam&Menang' Stesen Minyak Caltex Bumi Emas Indah Sdn Bhd di Kampung Pengkalan Batu di sini semalam.

Adnan berkata, kejayaan itu hasil kerjasama erat antara KPDNHEP Kelantan bersama agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan Malaysia-Thailand bermula dari Pengkalan Kubor hingga ke Jeli.

Katanya, operasi penguatkuasaan akan terus diperkasakan bagi memastikan aktiviti menyeludup barangan kawalan ke negara jiran dapat dipatahkan.

"Kita sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat menjalankan kegiatan menyalahi undang-undang negara," katanya.